

25/04/2002

Proton Waja Eksekutif dikeluarkan pertengahan tahun

Badrila Jamlus

EDARAN Otomobil Nasional Bhd (EON), menerusi anak syarikatnya, Automotive Conversion Engineering Sdn Bhd (ACE), akan mula mengeluarkan model Proton Waja Eksekutif secara komersial mulai pertengahan tahun ini.

ACE, pakar dalam mengubah suai kereta keluaran Proton seperti model Limosin dan Eksekutif, mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk membuat penyesuaian model itu yang dipadankan dengan beberapa ciri mewah lagi eksklusif.

Syarikat itu sebelum ini pernah menghasilkan beberapa model dalam reka bentuk eksekutif, seperti Proton Saga, Wira dan Perdana.

Sumber ACE berkata, antara pengubahsuaian itu termasuk memanjangkan reka bentuk badan kereta sebanyak 254 milimeter (mm), pemasangan sistem audio video, ruang dalaman yang luas dengan aksesori serta ciri konsep pejabat bergerak serta kerusi saduran kulit sepenuhnya.

Beliau berkata, kerangka model itu turut diperkukuhkan manakala sistem keselamatan seperti brek, ekzos dan sistem gantungan turut dipertingkatkan bagi disesuaikan dengan keupayaan enjin.

Bagaimanapun, beliau memuji kerangka Waja yang dihasilkan Proton sudah sedia kukuh dalam kelasnya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai model Waja Eksekutif edisi khas berkuasa 2.5 liter V6 yang buat pertama kalinya dipertontonkan kepada umum di Pameran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM 2002) di Alor Star, Kedah, kelmarin.

"Ciri paling menarik untuk model edisi khas ini ialah sistem transmisi gear automatik Steptronic yang dipadankan pada kotak gear sekali gus membolehkan pemandu memilih sama ada memandu secara manual atau automatik tanpa menekan klac," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Bagaimanapun, katanya model yang dipamerkan itu adalah prototaip dan diperkenalkan sebagai tujuan menguji pasaran tetapi akan dikeluarkan secara komersial jika wujud permintaan.

Beliau juga enggan mengulas mengenai harga kereta itu kerana ia masih dalam peringkat kajian.

Waja ketika ini diperkenalkan dalam dua versi iaitu model 1.6 liter standard yang didatangkan pada harga atas jalan (OTR) termasuk aksesori RM64,591.14 manakala RM72,130.08 adalah bagi model 1.6X edisi Premium.

Bagi model Perdana V6, model standard didatangkan pada harga OTR, RM105,854.20 manakala versi Eksekutif ialah RM171,380 dan edisi khas RM182,197 seunit.

"Ini adalah produk terbaru daripada ACE dan hanya dijual oleh EON seperti mana model Proton Perdana V6 Eksekutif dan Limosin yang dihasilkan sebelum ini," sambil menambah ACE juga sedang mengubah suai model Waja dalam bentuk Limosin.

Beliau berkata, ACE yang memiliki pengalaman luas dan keupayaan dalam mengubah suai sesebuah kenderaan sudah membina beberapa unit model Waja Eksekutif di kilangnya di Glenmarie, Shah Alam, Selangor.

ACE yang ditubuhkan pada tahun 1990 di bawah ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengeluarkan kereta Proton versi mewah turut mengeluarkan kereta sports klasik TD 2000 yang memiliki ciri penampilan tahun 50-an menerusi syarikat usaha sama Malaysia-Australia di kilang itu.

Ditanya jika ACE akan mengeluarkan kereta itu dengan enjin berkuasa 2.5

liter, beliau berkata, syarikat mempunyai banyak pilihan termasuk memadankan kereta itu dengan enjin berkuasa 1.8 liter atau 2.0 liter.
(END)